



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** kod **221801 (Syarikat Insuran – Perlu Lesen Bank Negara)** atau **221802 (Broker Insuran – Perlu Lesen Bank Negara)** dan tajuk masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

1	NO SEBUTHARGA : MBKT SH14/2023	TAWARAN PERKHIDMATAN INSURAN KENDERAAN/JENTERA BAGI MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.
2	NO SEBUTHARGA : MBKT SH30/2023	TAWARAN PERKHIDMATAN TAKAFUL KEBAKARAN DAN TAKAFUL LIABILITI AWAM BAGI PREMIS-PREMIS MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.

1. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di Tingkat 18, **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan harga **RM 20.00 (Tunai, Wang pos atau bank draf sahaja)**. Untuk maksud ini wakil-wakil syarikat (dengan surat perwakilan kuasa) hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa membeli/mengambil **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Pembekalan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebut harga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 14 /2023** ” dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan , Tingkat 18, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari pada 16 Mac 2023 (Khamis)**.

3. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.
4. Sebutharga ini akan dijual mulai **8 Mac 2023 (Rabu) hingga 15 Mac 2023 (Rabu)** pada waktu pejabat sahaja.

Bil () dlm. MBKT. 13/2-17

5. Penyebut harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen syarikat atau pemborong boleh digantung.
6. Majlis boleh dan tidak terikat untuk menerima/memilih satu atau beberapa penyebut harga dalam sebut harga ini mengikut item yang dipamerkan dan ditawarkan.

t.t

.....
(ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.